

To:
cc: (bcc: NHB NASReg/NHB/SINGOV)
Subject: AMENDED - Speech by Mr Mohamad Maidin Packer Mohd, 1 Apr 2000, 3pm

Singapore Government

PRESS RELEASE

Media Division, Ministry of Information and the Arts, #36-00 PSA Building, 460 Alexandra Road,
Singapore 119963. Tel: 3757794/5

EMBARGO INSTRUCTIONS

The attached press release/speech is **EMBARGOED UNTIL AFTER DELIVERY**.
Please check against delivery.
For assistance call 3757795

SPRInter 4.0, Singapore's Press Releases on the Internet, is located at:
<http://www.gov.sg/sprinter/>

**EMBARGOED AFTER DELIVERY
PLEASE CHECK AGAINST DELIVERY**

(AMENDED)

Ucapan Encik Mohamad Maidin bin Packer Mohd, Setiausaha Parlimen, Kementerian Pendidikan di majlis taklimat skim habuan kematian NTUC-Income untuk badan-badan khairat pada 3 petang Sabtu 1 April 2000 di auditorium Pusat Income, Bras Basah Road

CEO, NTUC Income, Sdr Tan Kin Lian, President dan wakil Badan-badan Khairat Singapura, Hadirin sekalian

2 Majlis taklimat hari ini menandakan perkembangan penting dalam usaha kita untuk sama-sama memperbaiki lagi khidmat yang disediakan oleh badan-badan khairat di Singapura. Di akhir majlis ini, saudara-saudara akan membuat keputusan yang penting dalam menentukan sejauh mana habuan kematian dapat dipertingkatkan.

3 Saya difahamkan soal yuran bulanan dan habuan kepada ahli merupakan

antara isu utama yang selalu menjadi pertimbangan para pemimpin badan khairat. Isu ini jugalah yang diketengahkan kepada saya pada Februari lalu oleh kepimpinan Persatuan Kebajikan dan Kemajuan Islam (PKKI).

4 Saya telah meminta jasa baik NTUC-Income untuk meneliti dan, jika bernas, menawarkan satu skim yang murah yurannya tetapi lebih besar jumlah habuannya. Taksiran awal ialah bagi yuran bulanan \$1, habuannya ialah \$2,000. Kini, setelah dihalusi, purata yuran bulanannya adalah jauh lebih rendah.

5 Habuan lebih lumayan ini sangat bermakna terutama kepada keluarga berpendapatan rendah, memandangkan belanja mengkebumikan mayat sudah menjangkau sampai \$1,000. Skim ini, yang menawarkan habuan \$2,000 kepada anggota dan \$1,000 kepada tanggungan, akan dapat memenuhi biaya tersebut.

6 Dengan demikian, semua badan khairat yang mengambil bahagian akan dapat meningkatkan habuan yang diberi. Secara langsung, skim ini juga boleh dijadikan sebagai daya tarikan untuk menambah keanggotaan badan-badan khairat.

7 Saya difahamkan skim ini dapat diperbaiki dari semasa ke semasa, bergantung kepada pengalaman yang dilalui. Dalam jangka panjang, saya harap skim ini juga dapat membantu memperkuat kewangan badan-badan khairat. Ini memandangkan NTUC-Income hanya dapat memberi perlindungan kepada anggota sampai ke usia 70 tahun. Selepas usia itu, habuan akan dibayar oleh badan-badan khairat sendiri, mengikut skim masing-masing.

8 Menurut perangkaan rasmi sejak tiga tahun lalu, hampir 60 peratus orang Melayu meninggal dunia sebelum berusia 70 tahun. Jika ini mencerminkan kematian anggota badan-badan kerabat, bermakna kira-kira 40 peratus kematian perlu ditanggung oleh badan-badan khairat sendiri. Sebab itu, adalah penting kedudukan kewangan badan khairat tetap kukuh.

9 Dari segi keperluan teknikal, izinkan saya menerangkan bahawa penyertaan badan-badan khairat dalam skim NTUC Income ini memerlukan persetujuan daripada para anggotanya. Anda perlu adakan mesyuarat agung untuk merestuinnya dan meminda peraturan yang sewajarnya dan melaporkannya kepada Pendaftar MBO. Pihak pendaftar menyatakan mereka akan membantu dalam proses ini.

10 Dari segi agama, saya telah meminta pandangan dan panduan Majlis

Ugama Islam Singapura. Muis bukan saja menyokong, malah menggalakkan skim ini memandangkan ia adalah satu skim gotong royong untuk kebajikan bersama.

11 Untuk berjaya, bilangan penyertaan yang tinggi diperlukan. Ini tidak harus menjadi masalah kerana kita mempunyai 55 badan khairat di Singapura dengan sekitar 15,000 anggota. Jika dikira tanggungan anggota, bilangannya kira-kira 75,000 orang.

12 Akhir kata, semoga majlis hari ini dirahmati dan kita sampai kepada satu keputusan yang menguntungkan semua.

Sekian. Wassalam.

National Archives of Singapore